

03 OCT 1999

BUKU PANDUAN MENGENAI PEMBINAAN JALAN RAYA

KUALA LUMPUR, 3 Okt (Bernama) -- Satu buku panduan mengenai keselamatan jalan raya akan diperkenalkan di peringkat antarabangsa sebagai garis panduan dalam merencanakan pembinaan jalan baru yang dijangka dapat mengurangkan kadar kemalangan jalan raya.

Menteri Kerja Raya Datuk Seri S.Samy Vellu berkata buku panduan itu akan diumumkan semasa Kongres Jalan Sedunia ke-21 yang dirasmikan di sini hari ini.

Buku panduan itu telah disiapkan beberapa bulan lepas dan ia diwajibkan bagi pembinaan jalan baru di seluruh dunia, katanya kepada pemberita selepas menghadiri perasmian kongres itu oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang mewakili Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Buku panduan baru itu akan mengambil kira geometri dan cerun jalan dan bagaimana untuk mengelakkan selekoh...ini ciri-ciri dalam merencanakan jalan baru," katanya.

Bagaimanapun, Samy Velu berkata beliau tidak dapat mengulas lanjut mengenai buku panduan itu pada masa ini.

Kira-kira 2,500 orang dari 99 negara anggota menghadiri kongres seminggu itu.

-- BERNAMA

ARA AKD